

20/09/1997

Semua pejabat diarah tutup

Misiah Taib

KUCHING, Jumaat - Jawatankuasa Keselamatan Negeri Sarawak digerakkan pagi ini berikutan pengumuman Darurat Jerebu berikutan keadaan jerebu semakin buruk.

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud memanggil mesyuarat jawatankuasa itu sebaik menerima surat Perintah Darurat yang ditandatangani Perdana Menteri, pagi ini.

Berikutan itu, beliau mengarahkan semua jabatan kerajaan, berkanun, swasta, sekolah, kilang dan kuari di negeri ini ditutup serta-merta, sehinggalah darurat ditarik balik. Kakitangan kerajaan juga dibenarkan mengambil cuti tanpa rekod.

Kerajaan Sarawak juga sudah mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Pusat pagi ini, agar menjalankan pembenihan awan di negeri ini untuk mengawal keadaan daripada bertambah buruk.

Mengumumkan demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri pagi ini, Abdul Taib berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menandatangani perintah mengisytiharkan darurat bagi Sarawak, pagi ini.

Menurutnya, ini berikutan keadaan jerebu yang meningkat secara mendadak sehingga melebihi paras bahaya pagi ini berbanding API 404 malam tadi.

"Pada jam 9 pagi ini, API meningkat ke paras 625 dan terus meningkat ke paras 635 sejam kemudian. Keadaan ini dikategorikan sebagai bahayakan kesihatan API 301 hingga 500 adalah ditahap berbahaya.

"Perdana Menteri mengisytiharkan darurat untuk Sarawak berdasarkan tahap jerebu yang terlalu berbahaya sekarang," katanya.

Beliau berkata, takrif darurat yang diisytiharkan untuk negeri ini bagaimanapun, bukan bermaksud darurat secara umum atau perintah berkurung, yang menandakan ada berlaku ancaman dari dalam atau luar negeri ini.

Menurutnya, tujuan darurat ialah untuk memastikan kesihatan penduduk di negeri ini tidak terjejas dan untuk mengelak berlakunya kejadian tidak diingini berikutan jarak penglihatan yang semakin terjejas.

Taib berkata, perkara pertama yang mahu dilakukan kerajaan negeri sekarang ialah meminimumkan aktiviti penduduk di negeri ini dan mengelakkan mereka terdedah terlalu lama di luar rumah atau bangunan.

Bagaimanapun katanya, pengecualian darurat diberikan kepada semua perkhidmatan perlu seperti pembekal atau penjual makanan serta minuman, pasar raya, klinik dan farmasi.

"Rakyat di negeri ini diminta tinggal di dalam rumah atau bangunan serta meminimumkan pergerakan dan meminum banyak air. Elakkan keluar rumah, kecuali kita mempunyai perkara penting," katanya.

Menurutnya, semua pihak harus mengambil langkah berjaga-jaga dan bagi perokok pula, mereka tidak seharusnya membuang puntung rokok sewenang-wenangnya, berikutan keadaan alam sekitar yang terlalu kering sekarang yang boleh menyebabkan kebakaran besar.

Beliau juga menasihati pemandu kenderaan supaya menghadkan kelajuan kenderaan pada tahap 50 kilometer sejam dan arahan itu berkuatkuasa untuk semua peringkat, termasuk menteri-menteri.

"Ini kerana jarak penglihatan awal pagi ini hanya 200 meter dan ia semakin berkurangan apabila API meningkat selepas itu. Malah, orang ramai digalakkan menggunakan kenderaan awam bagi mengelak terlalu banyak kenderaan di jalan raya," katanya.

Sementara itu, semua perkhidmatan penerbangan masuk dan keluar dari

negeri ini digantung sementara waktu berikutan masalah jerebu yang semakin buruk.

(END)